

DSA 2008 Pemangkin Perolehan Pertahanan

Oleh: Nasibah Harun

Pameran Perkhidmatan Pertahanan 2008 atau DSA2008 siri kesebelas berlangsung pada 21 hingga 24 April lalu, ditafsirkan sebagai berjaya mencapai matlamatnya berdasarkan penambahan bilangan peserta pempamer. Pameran dwi tahunan ini melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan angkatan tentera, agensi-agensi keselamatan kerajaan dan swasta dari seluruh dunia. Kali ini, bilangan pempamer melibatkan 712 syarikat pertahanan global dari 49 negara merangkumi 27 pavilion dengan bilangan pelawat korporat seramai 25,000 orang.

Penyertaan firma industri pertahanan Malaysia dalam aktiviti pertahanan pada DSA kali melibatkan 61 firma dengan keluasan pavilion 4,695 meter persegi. Secara kasarnya, bilangan besar pempamer dari dalam dan luar negara adalah satu perkembangan positif ke arah mewujudkan aktiviti pertahanan sihat di rantau ini. Kewujudan DSA pada 1988 dengan sokongan penuh Kementerian Pertahanan sebagai tonggak utama kini dilihat semakin berkembang mempromosikan industri pertahanan tempatan di persada global. Aktiviti pertahanan ini berjaya mengukuhkan hubungan perdagangan dua hala khususnya dalam program *offset* melibatkan kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara asing. Pameran pertahanan DSA bertaraf dunia dan terbesar di rantau Asia telah menggalakkan pelaburan dalam negara dan pertumbuhan ekonomi di kalangan negara terlibat dalam program pertahanan.

Kejayaan DSA 2008 kali ini bukanlah satu kejayaan mutlak sekiranya dilihat dari aspek perolehan iaitu tiada perolehan sistem persenjataan baru bagi ATM. DSA2008 mencatat nilai kontrak melebihi RM1.1 bilion bagi perolehan tambahan untuk ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Persetujuan memeterai 14 jenis kontrak melibatkan Kementerian Pertahanan, pembekal tempatan dan luar negara berlangsung pada hari pertama DSA2008. Penyerahan satu Surat Penerimaan (LOA), satu Surat Hasrat (LOI) dan tiga Perjanjian Persefahaman (MOU) turut berlangsung di hari yang sama. Malah perolehan yang berlaku pada DSA2008 tidak menawarkan nilai *offset* atau timbal balas.



Jika dicongak pada perancangan seperti yang tersenarai di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9), beberapa lagi program perolehan kelengkapan pertahanan baru bagi ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM tidak terlaksana dan kemungkinan besar akan ditunda ke RMK 10. Bagaimanapun, seperti ditegaskan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak, program penggantian helikopter Sikorsky S61-A (NURI), diberi perhatian khusus oleh kerajaan untuk direalisasikan dalam RMK 9 berbanding perolehan kelengkapan baru lain.

Kesan politikal juga dilihat mempengaruhi program peningkatan keupayaan pertahanan yang secara langsung telah menyekat beberapa keperluan moden ketiga-tiga cabang perkhidmatan sebagaimana digariskan di dalam RMK 9.

Tentera Darat Malaysia atau TD memerlukan sistem artileri *self-propelled*, penambahan helikopter PUTD, perolehan helikopter penyerang, perolehan kenderaan armor baru untuk menggantikan kenderaan armor lama Sibmas dan Condor, peluru berpandu anti-kereta kebal jarak sederhana (ATGW) dan beberapa kelengkapan lain. Perolehan baru ini telah digariskan dalam RMK 9 namun bakal ditunda ke RMK 10.

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM),

telah menggariskan beberapa keperluan khusus untuk memperkasa keupayaan kombatan maritim. Antara kelengkapan moden yang dirancang adalah tambahan enam unit Kapal Ronda Generasi Baru (NGPV) kelas korvet MEKO@100 dengan keupayaan anti-udara dan anti kapal selam. Objektif tambahan NGPV *batch* kedua adalah untuk menyeimbangi platform rondaan TLDM iaitu kapal-kapal ronda lama TDLM telah dipindah untuk pengoperasian Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM).

Program kapal frigat *batch* 2 kelas LEKIU/JEBAT masih diperingkat rundingan dengan firma BAE System dari United Kingdom. Program frigat *batch* 2 yang asalnya dirancang dalam RMK 9 akan dipinda ke RMK 10. Teka-teki binaan dua unit lagi kapal frigat kelas LEKIU/JEBAT sama ada bakal dibina di limbungan Labuan Shipyard atau dibina di luar negara belum dapat dipastikan lagi kerana keputusan program ini akan ditentukan oleh Menteri Pertahanan. Apa juga kemungkinannya, TLDM juga berminat memperolehi frigat moden baru yang bukan berasaskan kelas LEKIU/JEBAT dengan keupayaan kombatan lebih menggerunkan.

Beberapa lagi keperluan utama TLDM diberi perhatian khusus dalam RMK 10 adalah perolehan helikopter ASuW, perolehan Kapal Sokongan Pelbagai Peranan yang sangat diperlukan untuk melancarkan atur gerak operasi sokongan

logistik, bantuan kemanusiaan di waktu aman. Kapal Sokongan Pelbagai Peranan adalah keperluan utama negara untuk meningkatkan lagi peranannya dalam misi bantuan keamanan di peringkat antarabangsa.

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), komited memperkasakan pasukannya untuk terus dominan menguasai angkasa raya. Beberapa program peningkatan keupayaan yang digariskan di dalam RMK 9 tetapi gagal direalisasikan adalah perolehan pesawat amaran awal dan kawalan udara atau AEW&C berkemungkinan ditunda ke RMK 10.

TUDM telah membuat penilaian aktif mengenai perolehan ini bermula RMK 6 lagi namun telah ditunda kerana kerajaan memutuskan dana pertahanan yang terhad dan menganggap keperluan AEW&C bukanlah sesuatu kepentingan terdesak.

Keputusan sama ada bakal berlaku dalam RMK 9 atau sebaliknya adalah tertakluk mengikut keputusan kajian separuh penggal pada Julai depan. Beberapa keperluan lain yang digariskan dalam RMK 9 berkemungkinan besar tidak dapat dilaksanakan adalah penggantian bagi misil pertahanan udara jarak dekat Starbust yang sudah dioperasi TUDM dalam unit misil yang sedikit melebihi 15 tahun. Perlunya penggantian ini adalah bagi menambah baik kekuatan pertahanan udara di pangkalan-pangkalan udara lebih-lebih lagi bagi melindungi aset-aset strategik TUDM. Keupayaan mengampuhkan pertahanan udara bertujuan untuk melindungi pangkalan-pangkalan udara dari menjadi habuan pesawat-pesawat musuh.

TUDM juga sedang berusaha menilai beberapa calon misil pertahanan udara bagi mengganti misil Starbust yang sudah mencapai hayat luput pada tahun ini. Mungkin perkara ini dipandang remeh atau tidak penting bagi sesetengah pihak menyebabkan perolehan sistem pertahanan udara ini dilewatkan dan berkemungkinan besar ditunda ke RMK 10.

Perlu diketahui, pertahanan udara dapat memberi perlindungan tinggi dalam usaha menyekat ancaman yang muncul. Keperluan melengkapi sistem-sistem pertahanan moden dalam jumlah unit yang mencukupi adalah mustahak kerana secara asasnya, pertahanan udara merangkumi tiga peringkat taktikal; aras rendah, aras sederhana dan aras tinggi. Pertahanan



FNSS hadir dengan kenderaan pemerintahan ACV-300 Adnan



Kenderaan komunikasi satelit Land Rover Defender

udara ampuh mampu menyediakan payung perlindungan berkesan bagi objektif mempertahankan semua pangkalan udara, unit-unit radar, pesawat-pesawat combat atau pejuang dan aset-aset strategik lain.

Apa yang dikesali, usaha ini masih belum dapat diperluaskan atas anggapan politikal (bukan dari TUDM), yang mendapati usaha TUDM memperkasa objektif ini bukanlah satu usaha penting. Jadi, perolehan sistem pertahanan moden TUDM telah dilewatkan sungguhpun misil pertahanan udara Starbust sudah mencapai hayat luput. TUDM secara asas, menumpukan perhatian keupayaan pertahanan udara jarak paling dekat (VSHORADS) dan jarak dekat (SHORADS). Pasukan Pertahanan Udara (PPU) TUDM diperanankan oleh Skuadron 401, Pangkalan TUDM, Kuantan, yang memperolehi aset semasa sistem pertahanan udara jarak dekat Starburst.

Fokus untuk menghadapi ancaman konvensional moden diberi perhatian khusus TUDM yang sedang menilai beberapa calon sistem pertahanan VSHORADS dan SHORADS.

Laporan Kontrak DSA 2008

Pada hari pertama DSA 2008 menyaksikan 14 kontrak dipersetujui dan satu LOA, satu LOI dan tiga MOU diserahkan kepada pembekal tempatan dan luar negara, disaksikan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Malaysia Dato' Seri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak. Beberapa firma pertahanan yang terlibat adalah DRB HICOM Technologies Sdn Bhd (DEFTECH), SME Ordnance Sdn Bhd, High Point World Wide Sdn Bhd, CTRM Sdn Bhd, Comlenia Sdn Bhd, Boustead Naval Shipyard, TDA Armaments SAS Perancis dan Agusta Westland. Kerajaan Timor Leste telah



Embraer EMB-145 AEW&C mengintai peluang bagi memenuhi keperluan negara

menandangi MoU bersama DEFTECH. Laporan penuh adalah seperti berikut;

1. Membekal dan menghantar 48 unit ACV 300 ADNAN untuk Tentera Darat melalui kontraktor DEFTECH. Tempoh pembekalan berfasa ditetapkan pada 2008 – 2010. Bilangan kenderaan berperisai ACV 300 melibatkan 12 unit IFV, 8 unit IFV, 8 unit IFV, 4 unit kenderaan anti armor, 2 unit kenderaan semboyan, 4 unit kenderaan kembalik dan 10 unit kenderaan jurutera/fitter (bagi memasang enjin dan peralatan elektrik). Kenderaan ACV 300 ADNAN dilengkapi radio digital/fastnet, kit perlindungan periuk api dan *spall liners*. Nilai kontrak adalah RM425,394,143.89 dan tiada tawaran *off-sets* bagi pembelian ADNAN.
2. Membekal lapan unit ACV-S 300 ADNAN pembawa mortar bagi Tentera Darat bernilai RM52,560,000.00. DEFTECH dilantik sebagai kontraktor utama bagi perolehan ini. Kontrak yang dilakukan secara rundingan terus menetapkan tempoh masa pembekalan sebelum 31 Disember 2009. Tiada tawaran *off-sets* bagi pembelian ACV-300 ADNAN.
3. DEFTECH dilantik sebagai kontraktor untuk membekal 69 unit trak GS Cargo berat 3 tan untuk depot simpanan tentera bernilai RM22,167,600.00 menerusi rundingan terus. Kerajaan menetapkan tempoh pembekalan 50 unit trak kargo sebelum 31 Disember 2007 dan 37 unit lagi sebelum hujung April 2008. Tiada

off-sets bagi pembelian trak kargo GS 3 tan.

4. SME Ordnance Sdn Bhd dilantik sebagai kontraktor membekal grenad tangan eksplosif tinggi (HE) untuk TD. Nilai kontrak RM89,950,000.00 secara rundingan terus dalam dua fasa penghantaran pada 30 November 2008 bagi 150,000 grenad dan 200,000 unit grenad pada 30 November 2009, tiada *off-sets*.
5. SME Ordnance Sdn Bhd juga dilantik sebagai kontraktor utama secara rundingan terus membekalkan peluru 84mm anti kereta kebal (HEAT) untuk TD dengan nilai RM44,989,882.00. Peluru 84mm berkuantiti 4,354 unit dibekalkan pada 30 Oktober 2009 dan tiada tawaran timbal balas atau *off-sets*.
6. Kontrak RM54 juta melibatkan kontraktor Lockheed Martin Aeronautics International, USA dalam menyediakan khidmat dan sokongan teknikal pesawat angkut taktikal Lockheed Hercules C-130 TUDM. Tempoh kontrak selama tiga tahun adalah bagi membekal alat ganti, peralatan pengujian, kelengkapan sokongan darat serta dokumen-dokumen (Articles) berkaitan dengan C-130 TUDM. Kontraktor dikehendaki menyediakan khidmat membaik pulih, membaiki dan membetul kecacatan penyiasatan dan ubahsuai (services) of articles berkaitan C-130 TUDM. Menyediakan pakar atau jurutera bertauliah atau kepakaran berkaitan dan pelatih-pelatih untuk membantu

kerajaan menjalani penyiasatan satu pihak, atau membekalkan kepakaran teknikal berkaitan C-130 TUDM.

Tiada tawaran timbal balas bagi kontrak ini.

7. Kontrak RM56.1 juta diberikan kepada kontraktor Master-Defence (Malaysia) Sdn Bhd untuk membekal dokumen-dokumen (Articles) dan menyediakan khidmat pengoperasian/latihan teknikal untuk TD berkaitan 60 unit kenderaan taktikal VAMTAC bagi membawa persenjataan. Pembekalan dalam masa 11 bulan dari tarikh kontrak ditandatangani pada 21 April 2008. Tiada tawaran timbal balas bagi kontrak berkenaan. Pembekalan melibatkan 12 unit kenderaan pembawa mesingan berat 12.7mm, 24 unit kenderaan pembawa pelancar grenad automatik 40mm dan 24 unit kenderaan pembawa misil anti-kereta kebal Metis-M. Kontrak juga termasuk membekal 25 unit kenderaan VAMTAC pembawa pelancar IGLA.
8. Kontrak RM41,293,171.13 melibatkan kontraktor Defence Services Sdn Bhd untuk membaiki dan membekal alat ganti kenderaan berperisai Scorpion dan Stomer TD, tiada *off-sets* bagi kontrak ini.
9. Kontrak RM26,150,000.00 diberi kepada kontraktor Mesra Melia Sdn Bhd untuk membekal 200 unit SSANGYONG Rexton 11 (SUV), kepada TD dalam tempoh 2008-2010 dan *tiada off-sets*.
10. Kontrak RM15,000,000.00 diberi kepada kontraktor High Point Worldwide Sdn Bhd melibatkan pembekalan Mortar 81mm jarak jauh beserta Morfire kepada kerajaan Malaysia. Bekalan yang dipersetujui adalah penghantaran 60 unit mortar 81mm dalam masa 15 bulan dan 60 unit mortar Morfire dalam masa sembilan bulan.
11. Kontrak RM14.5 melibatkan kontraktor CTRM Sdn Bhd untuk membekal dan memasang kubah radar di Western Hill, Pulau Pinang dan Bukit Kubong, Labuan milik TUDM. Skop kontrak adalah membekal dan menyediakan khidmat alt ganti, peralatan pengujian, kelengkapan sokongan darat dan publikasi berkaitan kubah radar dan tiada *off-sets*.
12. Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd memperolehi kontrak RM14,100,000.00 (pembaharuan kontrak), menyediakan

sokongan dalam-perkhidmatan bagi dua unit kapal laju (FTV) TLDM selama tiga tahun. Dua unit FTV adalah KD SRI GAYA dan KD SRI TIGA dibekalkan pada 19 Februari 2001 dan 14 Mei 2001.

13. Comlenia Sdn Bhd memperoleh kontrak RM12,400,000.00 bagi membekal alat ganti sistem combat Skuadron Korvet ke 24, TLDM. Tempoh kontrak tiga tahun tiada timbal balas ditawarkan.
14. Kontrak membekal alat ganti dan menyediakan khidmat bagi radar navigasi Kelvin Hughes untuk TLDM melibatkan kerajaan dan D'Aquarian (M) Sdn Bhd. Nilai kontrak tidak dinyatakan.

Surat Hasrat (LOI) melibatkan nilai RM55.971,000.00 juta diberikan kepada firma TDA Armements SAS Perancis, bagi membekal, integrasi dan mentauliah 8 unit mortar 120mm 2R2M untuk ACV-S 300 ADNAN. Mortar 2R2M diujinilai oleh TD pada September 2006 selama tiga minggu semasa menjalani demonstrasi dan ujinilai di Gemas. Antara yang diujinilai adalah pelbagai jenis amunisi termasuk projektil roket yang mampu menjangkau 13km. Firma TD diberi peranan mereka bentuk sistem persenjataan dan famili amunisi. Mortar 2R2M diintegrasikan pada ACV 300 dan salah satu negara Timur Tengah turut memperoleh mortar ini untuk dilengkapi pada kenderaan ACV 300 mereka. Kerja-kerja pemasangan mortar 2R2M pada ACV-S 300 akan dijalankan oleh DEFTECH di kilang Pekan. Pembekal turut menyediakan pakej sistem menjejak sasaran, sokongan logistik dan amunisi menerusi rundingan berasingan. Tempoh pembekalan adalah 20 bulan.

Surat Penerimaan (LOA) bagi membekal dan selenggara tiga unit helikopter AW139 APMM melibatkan kerajaan dan Agusta Westland.

Perjanjian Persefahaman atau MoU ditandatangani di antara DEFTECH dan Kerajaan Demokratik Republik Timor-Leste berkaitan membekal dan mentauliah kenderaan-kenderaan dan kelengkapan tentera.

MoU seterusnya melibatkan Kay Marine dan Construction Industrielles De La Mediterranee (CNIM). MoU dalam bidang perindustrian pertahanan turut melibatkan Aerotree Defence Services Sdn Bhd dan Meggit Defences Systems Limited.



Keseluruhannya nilai perolehan RM1,129,803,598.47 dipecahkan mengikut kontrak sahaja RM878,124,499.02, LOA RM195,708,099.45 dan LOI RM55,971,000.00.

Kesimpulan

DSA2008 merupakan satu penganjur aktiviti pertahanan bertaraf dunia yang terbesar di rantau ini. Siri-siri DSA sebelumnya telah mencatatkan perkembangan positif bagi industri pertahanan tempatan dan negara-negara berkaitan. Walaupun tiada perolehan kapital melibatkan tawaran timbal balas atau *off-sets* pada DSA 2008 sebaliknya pihak penganjur telah berjaya menarik perhatian lebih ramai pempamer dari serata dunia terlibat pada DSA kali ini. Terdapat banyak rungutan daripada pihak pempamer mahupun pelawat perdagangan yang kurang selesa dengan lokasi ruang pameran, dianggap mereka tidak berada dalam ruang setempat namun ini adalah satu perkara kecil yang sedang dinilai oleh penganjurnya. Perajurit amat kesal di atas tindakan penganjur dan pihak-pihak tertentu terhadap penyertaan Iran yang bersusah payah menghadiri DSA 2008 dari jauh. Di atas desakan kerajaan Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah, kerajaan Malaysia telah membatalkan penyertaan Iran kerana didapati telah melanggar ketepatan Majlis

Keselamatan PBB. Ketetapan tersebut antara lain menyatakan secara jelas iaitu Iran tidak dibenarkan sama sekali untuk mempamerkan, mengeluarkan dan menjual peralatan peluru berpandu serta sistem yang berkaitan. Adalah tidak manis dan tidak profesional memperlekehkan peserta Iran semasa DSA 2008. Ini adalah satu kelemahan pihak penganjur dan kerajaan kerana tidak meneliti ketetapan Majlis Keselamatan PBB terlebih dahulu sebelum mempelawa Iran menyertai DSA 2008. Tindakan ini juga disifatkan amat memalukan bilamana penyertaan Iran ditarik semula di saat-saat akhir. **PERAJURIT**

